



## Maklumat Google Analytic

**G**OOGLE Analytic sering kedengaran terutama pada mereka yang menjalankan perniagaan atau organisasi yang mempunyai capaian berasaskan *web* atau di internet.

Bagi sesebuah laman web atau blog, bagaimana untuk mengetahui maklumat pengunjung sesebuah laman web seperti berapa ramai pengunjung, datang daripada mana, apa jenis aplikasi yang digunakan untuk mencapai laman web, maklumat lalu lintas dan lain-lain?.

Jadi, Google Analytic merupakan satu aplikasi yang boleh mendapatkan maklumat tersebut. Google Analytic bukan sahaja merupakan satu alat untuk dapatkan analisis maklumat daripada sesebuah laman sesawang(web) tetapi Google masih menjadi satu enjin carian terbesar di internet.

Dengan itu, kebanyakan lalu lintas laman web datangnya daripada Google. Oleh demikian, Google Analytic masih menjadi alat yang tepat dan berkesan untuk menjejaki lalu lintas laman web dan demografik pengunjung.

Dengan membuat pemasangan satu pakej kod bagi setiap muka laman web yang dikenali sebagai *snippet*, beberapa maklumat berikut berkenaan laman web dapat diperolehi.

- 1** Jumlah pengunjung dan muka laman sesawang mana yang dilawati.
- 2** Bahasa yang digunakan oleh pengunjung dan daripada mana mereka datang.
- 3** Cara interaksi pengunjung dengan laman web.
- 4** Teknologi yang digunakan oleh pengunjung untuk mencapai laman sesawang tersebut.
- 5** Muka laman sesawang yang popular dikunjungi.
- 6** Pelbagai cara berlainan para pengunjung menemui laman web menerusi enjin carian.
- 7** Laman web lain yang menghantar lalu lintas ke laman web tersebut.

Bagi membolehkan penjejakan dibuat secara terperinci terhadap lalu lintas sesebuah laman sesawang, ia memerlukan satu cara dapatan maklumat atau dengan istilah *pull* pada laman web setiap kali pengunjung membuka setiap muka laman sesawang tersebut.

Jadi, menghidupkan akaun Google Analytic dan pemasangannya pada setiap muka laman sesawang diperlukan.

Google Analytic merupakan satu alat analisis data siber yang berkuasa kerana berupaya menganalisis menjangkau maklumat lalu lintas laman sesawang semata.

Segala maklumat sumber lalu lintas dan kelaku laman web dapat disediakan dalam bentuk laporan.

Selain itu, maklumat seperti jejak dapatan berasaskan topik sesuatu artikel, jejak pencapaian setiap penulis, analisis nilai klik pengunjung dan sebagainya dapat diperolehi.

Dengan itu, pemilik sesebuah laman web berupaya untuk mengetahui pemikiran dan kesukaan para pengunjung.

Seterusnya, membuatkan laman sesawang tersebut sebagaimana yang dikehendaki oleh pengunjung.